

# → PENGANGKUTAN

**KERETA API KARGO TERGELINCIR**

[FOTO MUHAIZAN YAHYA/BH]



**Keja mengalihkan gerabak kargo yang tergelincir di Kampung Bakap, Batu Gajah giat dijalankan.**

# Insiden terburuk dalam sejarah sejak 130 tahun

BH  
30/10/16  
MIS-25

➔ Kejadian umpama serangan garuda kerana babitkan 25 gerabak tergelincir

dasar kereta api, sekali gus menjejaskan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) bagi laluan utara dan selatan.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihaknya cuba sedaya upaya membaik pulih keadaan itu terutama mengalihkan 23 gerabak dan dua lokomotif itu bagi membolehkan ETS beroperasi seperti biasa hari ini.

## Gerabak tiada muatan

“Sebelum ini, insiden hanya membatikan gerabak terbalik, tetapi kali ini gerabak berlanggar antara satu sama lain mungkin disebabkan gerabak tiada muatan dan ringan, sekali gus ia berlanggar dan terbalik.

“Kita belum mengenal pasti jumlah kerugian secara terperinci kerana matlamat kita untuk membersihkan landasan terlebih dulu, namun jika diikutkan kerugian bagi satu lokomotif hampir RM12 juta, manakala satu gerabak pula berharga kira-kira RM400,000,” katanya pada sidang media di lokasi kejadian, semalam.

Nawawi berkata, ETS akan beroperasi seperti biasa hari ini susulan pengalihan gerabak sehingga jam 5 petang semalam hampir siap 70 peratus.

“Menteri Pengangkutan (Datuk Se-

ri Liow Tiong Lai) sudah meminta kami mempercepatkan usaha membaik pulih membabitkan 140 kaki-tangan KTMB yang bekerja 24 jam bagi memastikan kerja pengalihan gerabak kargo berkenaan dan pemasangan landasan baharu dapat dipercepatkan.

## Potong trek 100 meter

“Selepas kerja pengalihan ini, kita perlu potong trek (yang terjejas) sepanjang 100 meter, kemudian memasang trek baharu dan mengimpal serta meletak alas seberat 200 kilogram (kg) yang memerlukan tenaga enam orang untuk mengangkat dan memasangnya dengan tangan.

“Jadi, kami memerlukan anggaran masa lapan jam untuk selesaikan masalah ini dengan meletakkan trek baharu, manakala pemasangan elektrik mengambil masa dua jam berikutan enam tiang patah,” katanya.

Mengulas rungutan penumpang mengenai ETS yang tergendala akibat kejadian itu, Nawawi berkata, penumpang yang ingin menghubungi pemulangan wang boleh menghubungi stesen KTM berhampiran atau melayari laman sesawang KTMB di [www.ktmb.com.my](http://www.ktmb.com.my) untuk maklumat lanjut.

Fakta  
nombor

2

## LOKOMOTIF

tergelincir dalam kejadian di Kampung Bakap

40

## GERABAK

kosong keseluruhan dalam perjalanan dari Kuang, Selangor ke Tasek, Ipoh bagi membawa muatan simen

# Penumpang kandas diberi makanan

**Kampar:** Kerajaan Perak akan terus menyalurkan bantuan dengan menghantar makanan dan minuman kepada penumpang Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) yang terkandas di stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) Kampar sebelum dihantar ke stesen KTMB Ipoh bagi meneruskan perjalanan ke utara.

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Multimedia dan Komunikasi negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi, berkata kerajaan negeri bersama beberapa agensi mengambil langkah awal membantu penumpang yang terkandas dengan menyalurkan makanan dan minuman kepada mereka bermula malam kelmarin.

## Tiada kemudahan jual makanan, air

“Ini disebabkan tiada kemudahan menjual makanan dan air terutama di stesen KTMB Kampar. Pihak kerajaan negeri akan meneruskan usaha ini sehingga landasan dipulihkan dijangka paling awal esok (hari ini),” katanya di sini, semalam.

Antara agensi dan pihak yang membantu menyalurkan bekalan makanan dan minuman kepada penumpang malam kelmarin adalah Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (YBUDR) dan MCA Kampar.

Oleh Farah Suhaidah Othman  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

► Batu Gajah

Insiden gerabak kargo tergelincir di Kampung Bakap berhampiran stesen Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB) Batu Gajah, kelmarin adalah yang terburuk dalam sejarah perkhidmatan kereta api di negara ini membabitkan kemalangan gerabak sejak 130 tahun lalu.

Pengerusi KTMB, Datuk Ir Nawawi Ahmad, berkata kejadian itu paling dasyat dan disifatkan umpama serangan garuda kerana membabitkan 25 gerabak tergelincir dan terbalik yang menghalang dua laluan lan-